



**BAB 5:
LANGKAH
PENGAWALAN DAN
PENYELESAIAN**

ISU PEMANASAN GLOBAL

LANGKAH PENGAWALAN DAN PENYELESAIAN

Ancaman pemanasan global adalah yang terpenting daripada semua masalah alam sekitar masa kini. Terdapat banyak cara mengatasinya, yang mana setiap satunya untuk melawan satu daripada faktor pemanasan global. Masalah yang menyumbang kepada pemanasan global dikenal pasti termasuk limpahan populasi, penebangan hutan, penipisan ozon, jerebu, kesan rumah hijau, pembuangan sampah dan banyak lagi. Semua ini ada penyelesaian unik yang sedang dipromosikan oleh para pencinta alam.

KECEKAPAN TENAGA

Kecekapan tenaga boleh didefinisikan sebagai kaedah penggunaan tenaga dengan bijak dalam menjalankan sesuatu tugas sama ada di rumah mahupun di pejabat. Ini termasuk sebarang perubahan yang berlaku dalam penghasilan satu unit aktiviti ekonomi bagi memenuhi keperluan tenaga semasa. Kecekapan tenaga amat penting dalam pemuliharaan alam sekitar, penjimatan bahan api fosil, wang dan tenaga tidak terbuang serta secara tidak langsung mampu memperbaiki rizab asing negara.

Cara hidup masyarakat moden pada masa kini banyak melibatkan penggunaan tenaga elektrik. Antaranya peti ais, televisyen, mesin basuh, pendingin udara, komputer dan banyak lagi. Jelas ini menunjukkan peralatan-peralatan ini amat membantu dalam kehidupan seharian. Namun begitu, penggunaan peralatan elektrik yang tidak terkawal boleh menyebabkan peningkatan kepada pemanasan global. Oleh itu, untuk mengatasi masalah ini, penggunaan tenaga elektrik

BAB 5: LANGKAH PENGAWALAN DAN PENYELESAIAN

di rumah dan di pejabat perlu dijimatkan. Sebagai contoh, lampu dan alat-alat elektronik seperti televisyen, komputer dan alat pencetak yang tidak mustahak hendaklah dipadamkan. Penggunaan mod *standby* akan meningkatkan penggunaan bekalan elektrik sebanyak 5-13%.

Selain penggunaan tenaga elektrik di rumah, sektor industri adalah pengguna utama tenaga elektrik di mana penggunaan oleh industri adalah sebanyak 60% daripada jumlah keseluruhan tenaga di dalam negara. Penggunaan tenaga yang tinggi ini adalah untuk pengoperasian mesin-mesin bagi tujuan penghasilan produk, penyejukan dan pencahayaan kemudahan. Penggunaan mesin-mesin berat di industri dalam masa yang panjang mengakibatkan permintaan tenaga yang tinggi dalam sektor tersebut. Bagi mengurangkan kesan ini, sektor industri boleh mengaplikasikan pelbagai kaedah untuk mengurangkan penggunaan tenaga dalam operasi mereka.

Pendekatan kejuruteraan yang dilakukan termasuklah penggunaan mesin berkecekapan tinggi dan mempelajari proses yang terlibat, keperluan dan jadual penggunaan tenaga. Kebiasaannya, kebanyakan proses boleh dijadual semula untuk mengurangkan bahan pencemar serta meningkatkan produktiviti.

Di bangunan komersial pula, alat penghawa dingin telah menjadi satu kemestian dan menggunakan sejumlah tenaga yang tinggi. Di sesetengah bangunan, penggunaan teknologi termaju telah berjaya mengurangkan penggunaan tenaga elektrik. Salah satu penyelesaian yang efektif adalah dengan menukar penetapan suhu alat penghawa dingin kepada suhu yang lebih tinggi. Dengan meningkatkan penetapan suhu kepada 24°C contohnya, banyak tenaga yang boleh dijimatkan